

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 16 (A35)**

Sejauh manakah pencapaian kerajaan dalam sasaran mencapai RM8 bilion pelaburan dan apakah usaha yang telah dibuat?

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 17 (A9)**

Bagaimanakah Kerajaan Pakatan Harapan akan meneruskan Prestasi Cemerlang Negeri Johor sebagai destinasi pelaburan utama Malaysia.

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

**(Jawapan bersekali untuk soalan A35 & A9)**

Negeri Johor mensasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM8 billion bagi tahun 2019 dan yakin ianya dapat dicapai melalui pelbagai langkah dan program yang sedang dijalankan.

Sehingga Jun 2019, Negeri Johor telah mencatatkan kelulusan 62 projek pelaburan dari sektor pembuatan sebanyak RM3.978 billion di mana pelaburan tempatan adalah sebanyak RM 2.272 billion manakala pelaburan langsung asing (FDI) adalah sebanyak RM 1.706 billion.

Projek – projek yang diluluskan ini menggambarkan keyakinan pelabur – pelabur baru dan sedia ada ke Negeri Johor dan kami yakin, angka nilai kemasukan pelaburan ke Negeri Johor akan terus meningkat menjelang akhir tahun 2019.

Pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) juga telah melaporkan beberapa syarikat besar yang berminat melabur di Malaysia dan kedua-duanya berminat untuk meluaskan pelaburan di Johor. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri juga telah mendapat pertanyaan dari pelabur berpotensi dari Negara China yang berminat untuk membangun sebuah pusat sehenti bagi pembinaan rumah yang bakal menyediakan segala-galanya dari bahan binaan ke perhiasan dalaman. Sekiranya pelaburan ini terlaksana, adalah mudah bagi Johor mencapai nilai sasaran RM8 bilion tersebut.

Johor kekal sebagai destinasi menarik bagi pelaburan asing kerana lokasi geografinya berhampiran Singapura dan infrastruktur yang sangat baik seperti pelabuhan dan lapangan terbang. Satu lagi faktor adalah perkhidmatan awam yang sangat baik di Johor. Penjawat awam di Johor sentiasa bersedia membantu dan bekerjasama, yang merupakan titik positif kerancangan kemasukan pelabur ke Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

Kerajaan Negeri juga akan terus meningkatkan kemudahan – kemudahan sokongan yang penting bagi menyediakan ekosistem pelaburan yang kondusif kepada pelabur dengan penyediaan kawasan industri yang moden, tersusun dan dilengkapi dengan kawalan keselamatan tertinggi, penyediaan infrastruktur terkini seperti high speed broadband, bekalan elektrik tanpa gangguan, gas asli dan bekalan air pada kadar harga yang kompetitif. Tambahan kepada perkara di atas adalah penyediaan kawasan kediaman yang kondusif dan selamat kepada keluarga ekspatriat yang akan menetap di sini, kemudahan pendidikan bertaraf antarabangsa kepada anak-anak ekspatriat yang akan menuntut di Johor, penyediaan kawasan rekreasi, kesihatan dan pusat membeli belah yang bertaraf antarabangsa sebagai kemudahan tambahan kepada mereka. Penyediaan kemudahan-kemudahan ini akan menggalakkan ekspatriat untuk menetap di negeri Johor dan memberikan maklumbalas yang baik kepada bakal pelabur yang akan melabur di sini.

Kerajaan Negeri akan terus menambahbaik dasar mesra pelabur dengan menyediakan insentif tambahan yang bersesuaian di peringkat negeri sebagai menyokong pelbagai insentif yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat khususnya dengan menyediakan sokongan perkhidmatan yang terbaik, efisien dan kelulusan yang cepat tanpa kerehuan birokrasi bagi membolehkan pelabur mendapatkan segala kelulusan yang diperlukan dalam tempoh yang singkat. Agensi-agensi Kerajaan Pusat yang berkaitan seperti Jabatan Kastam, Imigresen, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain turut membantu pelabur mendapatkan kelulusan yang diperlukan dalam masa yang pantas bagi mendokong aspirasi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di dalam menyediakan kemudahan mesra perniagaan yang bertaraf antarabangsa. Segala ekosistem yang berkaitan ini akan mampu menjadikan negeri Johor sebagai pilihan pertama kepada pelabur untuk melabur di negeri Johor.

Kerajaan Negeri sentiasa memberi komitmen tinggi untuk mengekal persekitaran perniagaan yang menyediakan peluang-peluang untuk syarikat-syarikat berkembang dan meraih keuntungan. Kerajaan juga sentiasa mendapatkan maklum balas daripada komuniti perniagaan melalui saluran-saluran perundingan seperti dialog-dialog yang sering diadakan antara kerajaan dan sektor swasta bagi membolehkan pelbagai komuniti industri menyuarakan pandangan-pandangan mereka dan menyumbang kepada pembentukan dasar-dasar kerajaan yang melibatkan mereka. Bagi memastikan usaha tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih lancar, Jawatankuasa Pelaburan Johor yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Johor bertujuan menyelaras segala aktiviti pelaburan dan memastikan kesinambungan pelaburan sedia ada serta menambahbaik segala polisi pelaburan sedia ada. Jawatankuasa Taskforce Pelaburan, Tanah dan Utiliti (PTU) yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Negeri Johor juga telah ditubuhkan dan bertindak sebagai unit khas dalam mengenalpasti dan menyelaras sebarang permasalahan serta isu dibangkitkan para pelabur atau pemain industri terutama yang melibatkan isu-isu tanah dan juga utiliti di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**

**SOALAN 18 (A47)**

Adakah terdapat perancangan kerajaan negeri untuk mewujudkan muzium kebudayaan dan warisan di Kluang kerana keunikan dan lokasi bandar Kluang amat sesuai dijadikan pusat kebudayaan terutama akses laluan Keretapi Elektrik Berkembar Gemas Johor Bahru yang akan siap.

**JAWAPAN YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR**

Kerajaan negeri sangat komited dalam usaha-usaha memulihara dan memelihara elemen-elemen warisan seperti monumen-monumen bangunan-bangunan warisan, tapak bersejarah, kesenian dan kebudayaan. Kerajaan negeri juga telah merancang pelan satu daerah satu muzium sebagai usaha memelihara budaya dan warisan di negeri ini.

Menerusi perancangan itu sebanyak enam muzium berjaya diwujudkan iaitu Galeri Seni Johor, Muzium Kota Tinggi, Galeri Dato' Onn Batu Pahat, Muzium Tokoh Johor, Muzium Mersing dan Galeri Tenun Johor. Kerajaan negeri kini sedang giat merancang untuk mewujudkan Muzium Batu Pahat dan muzium di Daerah Muar yang merupakan empat daerah utama negeri Johor, namun pengwujudan muzium-muzium itu masih di peringkat mendapatkan kelulusan serta pengumpulan maklumat.

Kerajaan negeri melalui Yayasan Warisan Johor secara aktif mula mengumpulkan senarai bangunan bersejarah di negeri ini dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan untuk direkodkan.

Yayasan Warisan Johor juga amat menghargai sebarang cadangan untuk pengwujudan muzium-muzium di daerah, pemeliharaan, pemuliharaan dan pemugaran peninggalan kesan sejarah. Setiap cadangan yang diterima akan dimasukkan ke dalam perancangan pelan satu daerah satu muzium sebagai satu titik fokus pada masa akan datang.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 19 (A194)**

Apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh kerajaan negeri untuk memperkukuhkan perpaduan di negeri Johor bersama keberkesanaan program-program yang telah dijalankan?

**JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH**

Isu perpaduan kaum merupakan satu usaha berterusan yang perlu dipikul dan dijunjung bersama-sama oleh semua pihak. Pelbagai impak negatif akan menimpa masyarakat dan Negara sekiranya ikatan perpaduan ini terlerai. Oleh itu pelbagai usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh kerajaan negeri untuk memperkukuhkan perpaduan di negeri Johor.

Sesungguhnya kita sedia maklum bahawa usaha yang agak jelas dalam strategi memperkukuh perpaduan kaum adalah melalui **peranan masyarakat**. Pihak kerajaan sentiasa membuat anjakan paradigma demi memperkuat jalinan kemesraan masyarakat. Melalui Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Johor, penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) memainkan peranan penting dalam mewujudkan dan mengekalkan keharmonian serta perpaduan dalam masyarakat. Objektif penubuhan KRT adalah untuk memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar pembangunan Negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1975, KRT telah banyak melaksanakan pelbagai **aktiviti kemasyarakatan di peringkat akar umbi** di kawasan masing-masing. Aktiviti seperti gotong-royong, sambutan hari perayaan, sukan dan permainan sering dilaksanakan kerana impaknya sebagai saluran dan peluang kepada masyarakat di sesuatu kawasan kejiranan untuk bertemu dan mengenali antara satu sama lain. Aktiviti-aktiviti ini memupuk perbualan dan interaksi serta secara tidak langsung dapat memperkukuh hubungan kejiranan. Pelaksanaan aktiviti melalui KRT ini ternyata berkesan dan efisien dalam membentuk masyarakat yang harmoni, aman dan damai. Seiring dengan perubahan zaman digital yang memberi sedikit kesan terhadap hubungan dalam masyarakat, terdapat beberapa usaha dan langkah yang sedang dilaksanakan. Antaranya ialah **memperkasa peranan Kawasan Rukun Tetangga** sebagai agen perpaduan dan penyumbang maklumat utama kepada kerajaan. Rukun Tetangga disaran menjadi peneraju khidmat masyarakat dengan mengenal pasti permasalahan sosial di peringkat komuniti serta bekerjasama bersama agensi berkaitan menangani masalah berkenaan.

Selain daripada penglibatan komuniti, usaha yang sedang dijalankan juga adalah **penglibatan pelbagai pihak berkepentingan** iaitu:

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

- i. **Jalinan kerjasama dengan Persatuan Penduduk dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bersama Rukun Tetangga** sedia ada kini sedang giat diperluaskan. Ketiga-tiga entiti ini merupakan tunjang kepada pemerkasaan perpaduan serta kesejahteraan komuniti. Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk dan NGO selaku barisan hadapan dalam komuniti perlu sentiasa mengenal pasti masalah serta keperluan komuniti sekali gus menangani isu berkenaan dengan bijak tanpa menyentuh sensitiviti mana-mana pihak. Entiti komuniti itu perlu terus bekerjasama dan berganding bahu dalam melaksanakan aktiviti menjurus kepada usaha memperkukuhkan lagi semangat perpaduan demi kelangsungan keharmonian selain sentiasa memberi perhatian utama dalam memastikan keselamatan dan kestabilan negara.
- ii. **Meningkatkan peranan Badan Korporat dan Badan Swasta** sebagai agen pepaduan agar usaha mempromosi dan memperluaskan mesej perpaduan dan keharmonian masyarakat dapat dilakukan secara lebih menyeluruh dan bersepadu. Penglibatan pihak berkepentingan ini bukan sahaja diperlukan untuk sumbangan dana semata-mata, malah sumber ke arah inisiatif perpaduan dan keharmonian masyarakat melalui perkongsian atau menyumbang ilmu pengetahuan, idea, pengalaman, kepakaran dan kemahiran ke arah penambahbaikan perpaduan.

Selain daripada aktiviti kemasyarakatan, usaha memperkukuhkan perpaduan turut **diterapkan melalui elemen penghayatan Rukun Negara**. Memahami dan menghayati Rukun Negara dapat mewujudkan perpaduan rakyat serta melahirkan masyarakat yang hidup dengan matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Program Perhimpunan dan Pelancaran Rukun Negara Peringkat Negeri Johor bertempat di SMK Tasek Utara, Johor Bahru pada 15 September 2019 yang lepas merupakan usaha awal yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Johor dengan penglibatan pelajar sekolah malah turut melibatkan peringkat pendidikan awal kanak-kanak di Tabika Perpaduan. Usaha ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dengan mensasarkan penglibatan pelbagai agensi dan juga pihak swasta serta badan korporat.

Rukun Negara adalah prinsip panduan kita terhadap proses pembangunan negara dan hendaklah dihormati semua pihak. Ia satu wawasan yang dikongsi demi perpaduan negara. **Matlamat dan prinsip yang terkandung di dalamnya hendaklah didukung dan dipraktikkan** kerana kita tidak boleh memandang ringan kestabilan, keamanan dan keharmonian yang telah dicapai setakat ini.

Sejak kebelakangan ini kenyataan berbaur perkauman bagaikan semakin berbara terutama sekali di media sosial. Malah tindakan sesetengah ahli politik yang menjadikan isu perkauman sebagai modal politik mereka turut menjadi punca keretakan hubungan sesama kaum di negara ini. Pihak kerajaan negeri memandang serius isu perkauman yang dicituskan oleh pihak tidak bertanggungjawab berkenaan

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

dan tidak akan berkompromi melalui tindakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan disiasat oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Untuk masa akan datang, pihak kerajaan Negeri Johor turut bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengendalikan isu-isu perpaduan. Cadangan menubuhkan **Jawatankuasa Perpaduan Negeri Johor** ini merupakan inisiatif pihak kerajaan negeri dalam usaha mengendalikan isu berkaitan perpaduan secara bersepadu. Usaha ini sedang dalam peringkat perbincangan akhir sebelum diumumkan dan dilaksanakan pada tahun hadapan. Penekanan soal perpaduan dan kesejahteraan sosial akan terus menjadi agenda utama serta perhatian kerajaan dan akan terus diberikan penekanan yang serius.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)**

**SOALAN 20 (A154)**

TNB sedang menjalankan pemeriksaan pemasangan dan terdapat ramai pelanggan telah menerima notis pemotongan dan dikenakan caj bayaran semula. Bagaimanakah caj bayaran semula dikira kepada pelanggan dan jumlah kutipan yang telah direkodkan sehingga kini mengikut pecahan daerah di negeri Johor?

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

**Ruj. Tuan : (01) dlm .J/K.JKR/S.DEWAN NEGERI**

**Ruj. Kami: TNB(B)SJH/TNB(B) SJH/ Nov 19**

14 November 2019

**PEGAWAI KHAS**

**PENGERUSI**

**JKUASA**

**PERDAGANGAN**

**ANTARABANGSA**

**PELABURAN DAN UTILITI NEGERI JOHOR**

ARAS 3, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD

KOTA ISKANDAR

79555 ISKANDAR PUTERI JOHOR

**SOALAN SOALAN YANG BERKHENDAKAN JAWAPAN LISAN/BERTULIS DI  
MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2020) PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE 14**

Dengan segala hormatnya, Tenaga Nasional Berhad(TNB) ingin merujuk kepada surat tuan bertarikh 10 November 2019.

2. Terlebih dahulu, pihak TNB menghargai maklumbalas daripada pihak tuan berkaitan isu yang dibangkitkan (SOALAN A – A154) bagi tujuan meningkatkan perkhidmatan TNB.

3. Sukacita dimajukan bersama sama ini dokumen berkaitan yang diperlukan untuk menjawab persoalan yang dikemukakan (SOALAN A – A154) seperti yang di minta.

Sekian, terima kasih


**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**“PENGGERAK KEMAJUAN NEGARA”  
“BETTER BRIGHTER”**

.....  
**DATUK HJ BADERUL SHAM BIN SAAD**

Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) Johor  
Bahagian Retail  
Tenaga Nasional Berhad

**Lampiran 1.0 – Stesen TNB dan Bilangan Kes 2019 setakat 13 November 2019**



**Lampiran 2.0 – Bilangan Kes setakat 13 November 2019**

STESEN	BILANGAN KES
BATU PAHAT	514
PONTIAN	13
JOHOR BAHRU	918



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

KOTA TINGGI	13
KULAI JAYA	163
PASIR GUDANG	359
JOHOR JAYA	772
MUAR	230
SEGAMAT	104
TANGKAK	6
KLUANG	75
MERSING	47
JUMLAH	3214

**Lampiran 3.0 – Kaedah Pengiraan Pelarasan Jumlah Tuntutan Kerugian Hasil**



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)**

**SOALAN 21 (A26)**

Berapakah bilangan anjing terbiar/ liar yang telah ditangkap di setiap daerah?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor menggunakan Tatacara Operasi Piawaian (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Pihak Berkuasa Tempatan yang disediakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi pengurusan aktiviti penangkapan dan pelupusan di kawasan pentadbirannya samada dilaksanakan oleh pihak PBT sendiri atau oleh pihak kontraktor yang dilantik.

SOP ini merupakan tatacara seragam yang mengandungi kaedah penangkapan dan pelupusan anjing terbiar bagi membantu pihak PBT menjalankan operasi dengan lebih berkesan tanpa penganiayaan kepada haiwan tersebut.

Bagi Tahun 2019 (sehingga Oktober), sebanyak 6,616 ekor anjing liar/terbiar telah ditangkap di seluruh negeri Johor dan statistik penangkapan di setiap PBT adalah seperti berikut :

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	STATISTIK TANGKAPAN
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	1622
2.	Majlis Bandaraya Iskandar Puteri	86
3.	Majlis Perbandaran Muar	138
4.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	117
5.	Majlis Perbandaran Kluang	305
6.	Majlis Perbandaran Kulai	1744
7.	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	1141
8.	Majlis Perbandaran Segamat	180
9.	Majlis Daerah Tangkak	91
10.	Majlis Daerah Yong Peng	360
11.	Majlis Daerah Simpang Renggam	124
12.	Majlis Daerah Labis	114
13.	Majlis Daerah Pontian	113
14.	Majlis Daerah Kota Tinggi	244
15.	Majlis Daerah Mersing	83
16.	PBT Pengerang	154

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 22 (A120)**

Berapakah jumlah jeti penumpang antarabangsa yang ada di Negeri Johor dan lokasi perkhidmatan yang disediakan ?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Terdapat sejumlah 7 buah jeti penumpang antarabangsa yang ada di Negeri Johor iaitu:-

- (i) Terminal Feri Stulang Laut, Johor Bahru
- (ii) Jeti Penumpang Antarabangsa, Puteri Harbour, Johor Bahru
- (iii) Terminal Jeti Pasir Gudang
- (iv) Terminal Jeti Penumpang Muar, Muar
- (v) Terminal Jeti Penumpang Minyak Beku, Batu Pahat
- (vi) Terminal Feri Antarabangsa Kukup
- (vii) Kompleks Jeti Tanjung Belungkor, Kota Tinggi

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)**

**SOALAN 23 (A4)**

Apakah peranan sebenar JSIC (Johor State Investment Centre) dan PDT (Permodalan Darul Takzim), mana yang lebih efektif?

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) adalah agensi kerajaan yang telah ditubuhkan melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada tahun 2004. Selanjutnya, dalam tahun 2008, JSIC distruktur semula dan diletakkan di bawah pengawasan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Melalui rasionalisasi yang dibuat, fungsi yang melibatkan pelaburan dan pembangunan industri diletakkan di JSIC secara khusus; di bawah pemantauan BPENJ. Perlu dimaklumkan di sini bahawa status organisasi JSIC bukanlah bersifat perbadanan atau sebagai anak syarikat kerajaan.

Fungsi dan peranan utama JSIC adalah agensi kerajaan yang matlamatnya menyelaras program menarik pelaburan dalam dan luar negara ke Negeri Johor, merangka dasar dan polisi berkaitan pelaburan untuk memastikan iklim yang kondusif untuk para pelabur, bertindak sebagai pemudahcara dan penyelaras kepada pelabur dalam hal berkaitan dasar dan peraturan kerajaan, memantau dan menyelaras program & projek berkaitan penggalakkan pelaburan, menyediakan sumber informasi terkini berkaitan peluang pelaburan di Negeri Johor dan memberi khidmat nasihat dan penghubung perniagaan kepada bakal pelabur dan agensi – agensi lain termasuk GLC kerajaan melalui jaringan perniagaan yang luas.

Selepas **15 tahun** penubuhan, tanggungjawab dan peranan JSIC terus bertambah dan mencabar, terutamanya dalam bersaing dengan negeri-negeri lain untuk menarik FDI. Keperluan nilai tambah diperlukan dalam agensi ini supaya kekal menjadi pemudahcara kemasukan pelaburan yang bermutu tinggi ke Negeri Johor dan mewujudkan ekosistem pelaburan yang kondusif kepada para pelabur asing dan domestik.

Sehubungan itu, pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menjenamakan JSIC sebagai "Invest Johor" sebagai mencerminkan peranan Kerajaan Negeri yang komited dan proaktif dalam menarik pelaburan yang strategik serta berimpak tinggi ke negeri Johor. Ini diharap akan memberi nafas baru dalam menerapkan nilai dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dalam usaha menarik pelaburan dan memperkenalkan imej korporat agensi kerajaan negeri di peringkat antarabangsa.

Untuk terus menjadikan negeri Johor sebagai destinasi pelaburan utama di Malaysia, lebih banyak program dan inisiatif pro perniagaan dan mesra pelabur perlu

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

dilaksanakan. Program-program baru termasuk mempromosi sektor – sektor ekonomi baharu, dialog bersama pengilang, promosi kawasan industri baru dan pameran industri telah dirancang dan sedang dijalankan.

Permodalan Darul Ta'zim (PDT) adalah sebuah syarikat pemegang ekuiti dan aset Kerajaan Negeri Johor sebagaimana keputusan MMK pada 07 Disember 1994. Di bawah agenda perkara-perkara lain dalam mesyuarat berkenaan, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil keputusan untuk **menubuhkan PDT bagi mengambil alih semua aset Kerajaan Negeri** yang dipegang oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dan juga **semua ekuiti Kerajaan Negeri dalam projek-projek penswastaan.**

PDT telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 16 Disember 1994 mengikut tujuan asal penubuhan sebagaimana keputusan MMK tersebut.

Visi dan Misi PDT adalah untuk menjadi sebuah instrumen pelaburan strategik yang terunggul bagi Kerajaan Negeri Johor serta melaksanakan aspirasi Kerajaan Negeri dengan memaksimumkan pulangan pelaburan dan penyampaian perkhidmatan.

Hasil perancangan strategik PDT pada tahun 2015, PDT perlu berperanan lebih besar dan bukan hanya sebagai pemegang ekuiti bagi pihak Kerajaan Negeri sahaja tetapi PDT perlu mempelbagaikan aktiviti dalam sektor-sektor lain seperti utiliti, rekreasi dan pelancongan, pembangunan hartanah serta penglibatan dalam sektor perkhidmatan hiliran minyak dan gas. Dalam jangka masa 5 tahun kebelakangan ini (2015-2019), PDT telah menyumbang sebanyak RM 37.4 juta bagi menggerakkan State Secretary Incorporated (SSI), Yayasan Tengku Laksamana Johor (YTLJ), Johor Centre for Construction Development (JCCD), Johor Special Water (JSW) dan Sports Johor.

Di samping itu, PDT juga melaksanakan tanggungjawab korporat kepada masyarakat (CSR) dengan membiayai program Insentif Harapan Siswa iaitu bantuan pendaftaran ke universiti kepada pelajar yang lahir dan menetap di Johor bagi mengikuti pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di semua IPTA dan IPTS. Selain itu, PDT juga menyediakan Tabung Pendidikan Sarjana PDT (TPSPDT) sebagai bantuan pelajaran untuk anak Johor yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana di IPTA dan IPTS terpilih. Melalui insentif Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana Johor (TPKKKP) pula, bantuan pendidikan disediakan khusus bagi kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang mengikuti pengajian Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana.

Sehubungan itu, bagi persoalan Yang Berhormat Larkin, iaitu yang mana yang lebih efektif, kedua-dua jabatan atau agensi ini telah memainkan peranan yang sangat penting bagi melaksanakan aspirasi-aspirasi kerajaan negeri dan komited memberikan impak tinggi kepada negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**

**SOALAN 24 (A201)**

Apakah status terkini dan laluan yang dirancang tentang projek BRT Iskandar Malaysia bagi menampung bilangan penduduk yang semakin meningkat di kawasan Iskandar Malaysia?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Status BRT (setakat 14 November 2019)

1. Pihak IRDA telahpun menerima surat kelulusan Kementerian Kewangan bagi pelantikan *Lead Consultant* pada 11 November 2019. Pihak HSS Integrated Sdn. Bhd. (HSSISB) akan menggalas tanggungjawab sebagai perunding utama bagi rekabentuk kejuruteraan terperinci sistem BRT.

2. Pembangunan BRT Fasa 1 akan merangkumi 3 jajaran utama:

- Jajaran 1: JB CBD ke Hab Desa Jaya;
- Jajaran 2: JB CBD ke Hab UTM;
- Jajaran 3: JB CBD ke Hab Medini;

dengan infrastruktur 'busway' sepanjang 51 km, 42 stesen serta perkhidmatan bas berkekerapan tinggi dengan liputan perkhidmatan sebanyak 90% kawasan berpendudukan.

3. Sistem BRT juga menyediakan akses dan mobiliti yang lebih luas dan mampu menangani isu-isu sosio ekonomi dan alam sekitar. Sistem BRT dijangka bakal menarik *ridership* yang tinggi dan menyumbang kepada tahap keterangkuman sosial yang lebih tinggi melalui akses kepada peluang pekerjaan, pendidikan dan banyak lagi. Melalui sistem BRT, isu kesesakan jalaraya dan intensiti pelepasan gas rumah hijau juga dapat dikurangkan dan ini selari dengan Pelan Masyarakat Rendah Karbon Iskandar Malaysia 2050. Sistem BRT ini juga akan menjadi sistem penyuraian utama bagi sistem RTS and HSR dan mampu menampung keperluan pengangkutan di masa hadapan dengan peningkatan penduduk di Iskandar Malaysia.

4. Projek ini juga memberi lain-lain faedah jangka panjang secara langsung dan tidak langsung, antaranya:

- Sistem pengangkutan awam yang mampu guna & berintegrasi untuk memberi perkhidmatan kepada 3juta penduduk menjelang 2025;
- Meningkatkan kapasiti jalan naik dari 8,000 hingga 30,800 pphpd;

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

- Mengurangkan kos kemalangan jalan raya daripada unjuran sebanyak RM 306juta kepada RM 192juta setahun pada tahun 2025;
  - Mengurangkan kelewatan akibat kesesakan lalu lintas dari 177,958 jam sehari hingga 13,496 jam sehari pada 2025;
  - Merencanakan sektor pelaburan dan meningkatkan pertumbuhan KDNK;
  - Mencipta pekerjaan baru lebih daripada 500,000 hingga 2025
  - Membuka kawasan perumahan baru dan peningkatan nilai hartanah
5. IMBRT kini dalam proses untuk melantik 'Lead Consultant' di mana Kementerian Kewangan akan memberikan keputusan pelantikan tersebut dalam masa terdekat.
6. Langkah-langkah seterusnya akan melibatkan Lead Consultant menjalankan kajian reka bentuk terperinci, di mana semua faktor perlu diambil kira dan dibincangkan, bagi memastikan objektif perkhidmatan BRT untuk kesejahteraan rakyat dapat dicapai – terutamanya dalam meningkatkan capaian perkhidmatan daripada 39% pada masa sekarang kepada 90% pada tahun 2025.
7. Peluasan capaian perkhidmatan ini sejajar dengan anggaran pertumbuhan penduduk Iskandar Malaysia daripada 1.9 juta orang pada tahun 2018 kepada 3 juta orang pada tahun 2025. Peningkatan penduduk ini akan menambah kepadatan penduduk di kawasan-kawasan sedia ada serta mengakibatkan penyerakan kawasan yang didiami ke kawasan sub-urban yang lebih jauh. Ini sudah pasti akan menyukarkan lagi penduduk untuk berhubung.
8. Oleh itu, untuk menangani masalah kesaling-hubungan (accessibility), IMBRT akan beroperasi melalui tiga laluan;

Jenis Perkhidmatan BRT	Laluan	Jenis bas
Laluan utama (khusus) – 3 laluan (51 km)		High capacity bus 18m – 30m (120 – 300 penumpang pada satu masa)
Laluan terus – 26 laluan (635 km)		City bus 10m – 12m (40 – 60 penumpang pada satu masa)
Laluan perantara – 42 laluan (528 km)		Mini bus 6m – 8m (15 – 30 penumpang pada satu masa)

9. Perkhidmatan BRT-Perantara akan beroperasi dalam lingkungan 5 km radius dari setiap stesen BRT-Utama. Ini bermaksud perkhidmatan BRT-Perantara boleh didapati berdekatan dengan kawasan perumahan (tidak melebihi 400 meter di antara

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

rumah dengan hentian terdekat) dan akan menghubungkannya dengan kawasan komersial, sekolah, pejabat kerajaan, hospital dan klinik kesihatan, stadium dan kawasan rekreasi serta laluan BRT-Utama dengan frekuensi kekerapan selama 15-30 minit.

10. Selain itu, perkhidmatan laluan BRT-Terus pula akan menghubungkan tempat-tempat yang mempunyai permintaan tinggi seperti Hentian Bas Larkin, Terminal Ulu Tiram, Terminal Bas Gelang Patah, Terminal Bas Pasir Gudang, Terminal Bas Kulai ke destinasi-destinasi yang utama seperti Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Kompleks CIQ Sultan Abu Bakar (KSAB), Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan sebagainya. Perkhidmatan laluan terus ini mempunyai jumlah hentian yang terhad bagi melancarkan dan mempercepatkan lagi perjalanan.
11. Pertambahan penduduk ini akan mengakibatkan keadaan kesesakan lalulintas menjadi tiga kali ganda lebih teruk berbanding sekarang sekiranya rakyat enggan memanfaatkan kemudahan BRT yang disediakan oleh Kerajaan. Kos sara hidup yang dihadapi rakyat juga akan lebih meruncing kerana mengikut kajian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada tahun 2019 yang melaporkan bahawa rakyat membelanjakan antara 10% hingga 30% daripada pendapatan bulanan untuk kos pengangkutan. Sekiranya lebih ramai rakyat terperangkap di dalam kesesakan lalulintas, maka kos pengangkutan mereka akan meningkat dan kadar pengeluaran negara juga akan menurun.

Oleh itu, bagi menampung pertambahan penduduk di Iskandar Malaysia yang selari dengan pertumbuhan ekonomi di wilayah ini, marilah kita bersama-sama menggunakan kemudahan IMBRT yang di jangka siap pada tahun 2022.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)  
SOALAN 25 (A83)**

Apakah status terkini Tabung Yayasan Nelayan Johor dan berapakah jumlah baki sejak diambil alih oleh kerajaan Pakatan Harapan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Tabung Amanah Pembangunan Nelayan Negeri Johor telah ditubuhkan sejak 8 Januari 2015. Tujuan tabung amanah ini diwujudkan adalah untuk membantu meringankan beban komuniti nelayan di kawasan persisiran pantai yang terlibat secara langsung dengan projek pembangunan. Sejak tahun 2015 tabung ini telah digunakan untuk membantu nelayan di kawasan Johor selatan iaitu daerah Johor Bahru dan Pontian. Nelayan di kedua-dua daerah ini merupakan golongan nelayan yang terlibat secara langsung dengan pembangunan persisir pantai. Oleh itu, sejak tahun 2015 kerajaan negeri telah bersetuju memberikan saguhati khas atau ex-gratia pada setiap tahun untuk membantu golongan ini meringankan beban kerana kawasan tangkapan nelayan yang semakin mengecil.

Baki akaun Tabung Amanah Pembangunan Nelayan Negeri Johor pada 8 Mei 2018 adalah sebanyak RM 3,571,715.75. Semakan baki Tabung Amanah Pembangunan Nelayan Negeri Johor pada 12 November 2019 adalah sebanyak RM, 3,571,715.75.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)  
SOALAN 26 (A102)**

Berapakah jumlah Rumah Mampu Biaya Johor yang telah siap dibina, mengikut daerah setakat Januari sehingga Oktober 2019?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Berikut adalah bilangan **unit siap** bagi Rumah Mampu Biaya Johor dari **Januari hingga Oktober 2019**:

<b>DAERAH</b>	<b>SASARAN TAHUN 2019</b>	<b>BILANGAN UNIT SIAP</b>
JOHOR BAHRU	3,752	1,336
KULAI	306	0
MUAR	73	0
BATU PAHAT	625	342
KLUANG	331	284
SEGAMAT	-	0
TANGKAK	49	0
KOTA TINGGI	461	461
MERSING	-	0
PONTIAN	-	0
<b>JUMLAH</b>	<b>5,597</b>	<b>2,423</b>

Manakala baki bagi sasaran tahun 2019 berjumlah 3,174 unit, masih dalam pembinaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)  
SOALAN 27 (A162)**

Berapakah kadar peratusan bagi penggunaan jaringan unifi di sekitar daerah Muar dan apakah perancangan jangka masa panjang pihak kerajaan bagi meningkatkan lagi kadar peratusan penggunaan jaringan unifi di daerah Muar?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Kadar penembusan jalur lebar yang disediakan oleh Telekom Malaysia (TM) di daerah Muar adalah 68%. Buat masa ini TM sedang dalam perancangan untuk memperluaskan jaringan gentian optik secara berperingkat bermula tahun 2020. Walau bagaimanapun TM juga ada menyediakan perkhidmatan selular di kenali sebagai Unifi Mobile yang boleh dilangani dengan hanya RM59 dengan data tanpa had.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)**

**SOALAN 28 (A19)**

Mohon jelaskan secara terperinci berapakah jumlah tuntutan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk membiaya kos perubatan Ahli Yang Berhormat negeri Johor dari tahun 2018 hingga kini.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih Yang Berhormat Penawar atas soalan yang diberikan. Yang terhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan berkenaan jumlah tuntutan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk membiayai kos perubatan Ahli Yang Berhormat Negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Penawar, jumlah tuntutan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membiayai kos perubatan Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Johor dari tahun 2018 hingga kini adalah sebanyak RM45,303.05.

Jumlah ini tidak termasuk pembiayaan kos rawatan bekas-bekas Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Johor.

Kesimpulannya, kerajaan negeri sangat menitikberatkan kesihatan Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri kerana Ahli-Ahli Yang Berhormat bekerja dan berkhidmat untuk rakyat.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 29 (A94)**

Unjuran ekonomi pada tahun 2018 adalah 5.0%-5.2% dengan sektor perkhidmatan dan perindustrian menyumbang sebanyak 56 bilion serta 43 bilion kepada KDNK negeri. Ekonomi Negeri Johor dijangka berkembang pada 2019 dengan unjuran 5.0%-5.5%. Adakah kadar unjuran ini berjaya dicapai?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Pasir kerana menanyakan tentang kadar unjuran ekonomi negeri Johor.

Ekonomi Negeri Johor menunjukkan pertumbuhan yang menyeluruh di semua sektor pengeluaran. Permintaan domestik yang menerima kesan daripada pemulihan ekonomi dunia terus aktif.

Ekonomi negeri telah mendapat manfaat daripada kelestarian ekonomi negara dengan asas-asas yang kukuh yang merangkumi ekonomi yang pelbagai serta peningkatan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan yang teguh.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2018, mengikut data rasmi KDNK dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, ekonomi Negeri Johor telah berkembang pada kadar 5.6% iaitu lebih tinggi daripada unjuran awal (5.0-5.2%) semasa pembentangan belanjawan yang lepas.

Pertumbuhan ini telah disokong oleh permintaan dalam negeri yang mencerminkan peningkatan perbelanjaan sektor swasta dan awam.

Hal ini telah membuktikan ekonomi Johor **mampu kekal berdaya tahan** dalam persekitaran **ekonomi global dan perdagangan yang tidak menentu**.

Sektor **perkhidmatan terus kekal memacu perkembangan ekonomi negeri** dengan sumbangan terbesar sebanyak 49% atau RM64 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Manakala sektor pembuatan pula menyumbang sebanyak 36% atau RM48 bilion kepada KDNK negeri.

Selain itu, ekonomi Negeri Johor meraih manfaat daripada peningkatan eksport kasar negara hasil permintaan yang mampan daripada China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun, berikutan peningkatan pesat dalam kitaran teknologi global, pengembangan pelaburan dalam ekonomi maju dan pemulihan harga komoditi.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

Limpahan daripada sektor luaran negara telah memperkukuh permintaan domestik negeri dengan didorong oleh asas yang kukuh serta keadaan pasaran pekerja dan sentimen yang lebih baik yang menyokong pertumbuhan pada tahun 2018.

Kerajaan negeri berkeyakinan unjuran 5.0-5.5% dalam pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2019 dapat dicapai berdasarkan jangkaan beberapa jumlah pelaburan yang akan direalisasikan pada tahun ini, terutama dalam sektor minyak dan gas, serta pemulihan dalam beberapa segmen lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)**

**SOALAN 30 (A103)**

Apakah inisiatif dan pelan jangka masa panjang dari Kerajaan Negeri dalam menguruskan dan mengurangkan risiko banjir di pelbagai tempat berpotensi di Negeri Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan mengenai pelan jangka masa panjang Kerajaan Negeri dalam menguruskan dan mengurangkan risiko banjir yang dibangkitkan oleh Tenggaroh.

Pihak Kerajaan Negeri bersama Urusetia Bencana Negeri (APM Negeri) serta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah sentiasa bersedia dan mengambil langkah awal dalam menghadapi perkara ini.

Antara langkah yang telah diambil adalah ,

**i) Latihan Kesiapsiagaan Awam**

Sehingga September 2019, seramai 21,285 orang telah melibatkan diri dalam latihan kesiapsiagaan ini, menjadikan jumlah keseluruhan penyertaan seramai 126,458 orang peserta sejak pertama kali dilaksanakan pada tahun 2013.

Pihak APM sentiasa melaksanakan aktiviti secara berterusan dengan menasaskan sebanyak 10% daripada penduduk Negeri Johor untuk terlibat sama dalam latihan kesiapsiagaan ini.

**ii) Jumlah Pusat Pemindahan di Negeri Johor**

Bilangan pusat pemindahan banjir yang terdapat di keseluruhan Negeri Johor adalah sebanyak 674 pusat pemindahan dengan kapasiti 180,831 orang mangsa boleh ditempatkan dalam satu-satu masa.

Daripada keseluruhan pusat pemindahan tersebut, sebanyak 375 pusat perpindahan terdiri daripada sekolah-sekolah dengan kapasiti seramai 122,330 orang mangsa.

Seterusnya, sebanyak 297 pusat pemindahan terdiri daripada dewan orang ramai, balai raya, dan pusat komuniti dengan kapasiti seramai 59,931 orang mangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenggaroh, kesemua pusat-pusat pemindahan sementara ini telah beroperasi dengan baik semasa bencana banjir yang lalu.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**iii) Keanggotaan dan Aset Agensi Penyelamat Negeri Johor**

Sebagai langkah awal, menghadapi bencana ini, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan keperluan fasiliti penyelamat berada dalam keadaan baik dan mencukupi. Oleh itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan anggota penyelamat yang terdiri dari pelbagai agensi seperti PDRM, BOMBA, APM, ATM dan Jabatan Kesihatan Negeri adalah seramai 5,909. Selain itu, kelengkapan aset negeri dengan bilangan lori sebanyak 68 buah dan 142 buah bot serta jaket keselamatan sebanyak 2,277.

Untuk makluman semua, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan kejadian bencana banjir bagi mengurangkan risiko banjir di pelbagai tempat yang berpotensi di Negeri Johor.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 31 (A124)**

Sebagai Menteri Besar Johor, apakah usaha Kerajaan Johor dalam mengeratkan hubungan diplomasi dengan Singapura agar ekonomi setempat Johor/Singapura boleh dipertingkatkan?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih Yang Berhormat Stulang atas soalan berkenaan. Saya tidak nafikan hubungan diplomasi sangat penting bagi sesebuah negara dan semua sedia maklum, Johor dan Singapura merupakan jiran kerana kedudukan geografinya yang bersebelahan.

Kerajaan Negeri Johor sentiasa menjaga hubungan baik dengan Kerajaan Singapura dalam pelbagai aspek bagi memastikan hubungan diplomasi yang harmoni yang dimiliki tidak terjejas.

Tanpa hubungan dan kerjasama yang baik antara Johor dan Singapura, maka amat mustahil perkara-perkara yang melibatkan kepentingan ekonomi, keselamatan, air, penggunaan ruang udara serta perairan dapat diselesaikan dengan diplomasi dan perbincangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mengeratkan hubungan diplomasi diantara Johor dan Singapura sesi rundingan dan libat urus bersama kepimpinan kerajaan negeri dan kerajaan Singapura sering dilaksanakan yang turut disertai oleh para pelabur, dewan perniagaan persekutuan, pemain industri serta syarikat-syarikat daripada Singapura.

Pelaksanaan Inisiatif secara diplomasi ini juga telah menjadikan Singapura selaku negara pelabur kedua terbesar dan merupakan rakan dagang di Malaysia dan sebahagian daripadanya telah memberikan manfaat terhadap peningkatan taraf pendapatan bagi penduduk Negeri Johor khususnya.

Secara jelas, kita amat mengharapkan hubungan ini dapat dikekalkan bagi memudahkan urusan bersama.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**

**SOALAN 32 (A168)**

Berapakah peruntukan untuk mengatasi banjir yang pernah diberikan kepada Daerah Kluang dalam sepuluh tahun yang lepas (2009-2019)?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

**Jumlah Keseluruhan** projek – projek yang telah dilaksanakan oleh agensi – agensi kerajaan bagi mengatasi masalah banjir dari tahun 2009 hingga 2019 dalam tempoh 10 tahun ialah **RM 24, 338, 856. 73 juta.**

Antara projek yang telah dilaksanakan di bawah seliaan **Majlis Daerah Simpang Renggam** ialah

- Menaik taraf sistem saliran kepada Monsun Drain di Lorong Sate, Jalan Pineapple, Simpang Renggam Fasa1 dan 2 pada tahun 2009 bernilai RM 400,000.00 ribu
- Menaik taraf sistem saliran kepada U- Drain beserta tembok penahan di Kampung Kolam Air, Jalan Pineapple, Simpang Renggam pada 2010 berjumlah RM 200,000.00 ribu.

Manakala projek yang dilaksanakan di bawah **Jabatan Pengairan dan Saliran** ialah:

- Kerja menaiktaraf Sg. Lambak serta kerja berkaitan, Kluang, Johor dan projek ini dilakukan sebanyak dua fasa dan tahun pelaksanaan bagi Fasa 1 pada 2013 dengan jumlah RM 8 juta manakala pada fasa 2 pada 2015 berjumlah RM 3,115,169.00 juta.

Projek pada 2016 pula ialah :

- Kerja pengukuhan dan penstabilan tebing sungai Mengkibol di Mukim Kluang dengan kos projeknya adalah RM 500,000.00 ribu.
- Kerja membina “Wier” atau yang setara bagi meningkatkan aras air Sg. Mengkibol serta kerja berkaitan di Kluang, Johor berjumlah RM 593,440.00 ribu.

Seterusnya ada **lima projek pada 2017** masih di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran ialah :

- Cadangan projek menaiktaraf pembentong di Taman Kota Paloh, Kluang.
- Cadangan projek menggantikan Lintasan Jalan Melayu Mardi, Kluang.
- Projek kerja menaiktaraf sistem aliran Taman Murni dan Taman Melodi serta kerja berkaitan, JA9. Jalan Niyor, Kluang, Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

- Kerja menaiktaraf Parit Tanah kepada Parit Konkrit sistem saliran KG. Tengah serta kerja-kerja berkaitan, Kluang Johor.
- Kerja menaiktaraf parit tanah kepada parit konkrit sistem saliran kg tengah serta kerja-kerja berkaitan, kluang, Johor.

Keseluruhan untuk projek pada tahun tersebut ialah RM 5,739,371.43 juta.  
Manakala pada 2019 dua projek telah dilakukan iaitu:

- kerja penggalian sungai Sembrong besar serta kerja berkaitan, Kluang, Johor bernilai RM 400, 000.00 ribu.
- Kerja-kerja menggali membuang kelodak serta membina ban tebatan banjir di Sg. Benut Simpang Renggam, Kluang, Johor bernilai RM 500,000.00 ribu.

Dua projek pada 2009 bagi mengatasi masalah banjir di bawah seliaan **Majlis Perbandaran Kluang** pula ialah :

- Menaiktaraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Taman Indah jaya Kluang, Johor.
- Menaiktaraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Taman Murni / Taman Suria Jalan Nyior, Kluang

Kedua-dua projek ini berjumlah RM 1,013,183 juta.

Pada 2010 cadangan menaiktaraf sistem perparitan bagi mengatasi banjir di Taman Kasih, Taman Lambak dan Taman Orkid, Kluang berjumlah RM 426,469.00 ribu.

Manakala bagi kos projek kerja-kerja mengganti semula saliran dan menurap semula jalan bagi mengatasi masalah banjir di Kg Baru, Kg Sembrong dan Kg Tengah, Kluang pada 2018 berjumlah RM 898,034.90 ribu.

Maka, tiga agensi pelaksana yang terlibat ialah :

- Majlis Daerah Simpang Renggam
- Jabatan Pengairan dan Saliran.
- Majlis Perbandaran Kluang

Dengan **Jumlah Keseluruhan** iaitu **RM 24, 338, 856. 73juta.**

sehubungan dengan itu. sekiranya YB Mengkibol memerlukan maklumat lanjut mengenai usaha kerajaan dalam mengatasi banjir, YB boleh mendapatkan maklumat berkaitan daripada Ketua Jabatan Daerah seperti Pejabat Daerah Kluang, JPS, JKR dan Majlis Perbandaran Kluang.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)  
SOALAN 33 (A29)**

Mohon pencerahan berkaitan pukot tunda yang banyak memberi kemudahan kepada nelayan. Sejauhmana dan bagaimana tindakan yang berkesan yang boleh diambil untuk menghalang pukot tunda berleluasa tanpa mengira kesulitan nelayan untuk mendapat hasil tangkapan.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Pukat tunda adalah peralatan yang digunakan untuk menangkap ikan demersal (dasar). Penggunaan pukat tunda ini kurang mesra alam kerana alat ini menangkap secara amat berkesan hingga ke anak-anak ikan. Semasa pukat tunda beroperasi, akan terdapat plat logam besar dan roda getah berserta pukat yang besar dan berat bergerak di sepanjang dasar laut, aktiviti operasi seperti ini memusnahkan segala hidupan tanpa mengira saiz atau bentuk

Dasar pelesenan penghapusan pukat tunda di zon B sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia bagi memulihkan semula sumber perikanan di perairan negara yang telah merosot. Oleh itu pengusaha pukat tunda zon B diberi pilihan sekiranya masih ingin kekal di dalam industri perikanan perlulah menukar peralatan tradisional atau jika ingin kekal dengan peralatan pukat tunda mesti berpindah ke Zon C untuk beroperasi.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 34 (A61)**

Apakah tindakan yang akan diambil kepada peserta Projek Pertanian Moden yang tidak mengusahakan projek dan menyewakan tapak kepada pihak ketiga.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Projek Pertanian Moden (PPM) adalah satu projek berskala besar yang menempatkan aktiviti-aktiviti pertanian secara bersepadu di bawah pengawasan terus Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. PPM yang telah dilancarkan pada tahun 2004 membabitkan keluasan keseluruhan 3,655.62 hektar Tanah yang dimiliki oleh **Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)**. Ia dibahagiakan kepada beberapa komponen yang digunakan oleh Institut Veterinar Malaysia (IVM) dan Pusat Ternakan Haiwan (PTH) sebagai pusat latihan dan pengeluaran tenusu (566.6 hektar), Pusat Pertanian Ayer Hitam (81.7 hektar), Pusat Pengumpulan FAMA (4.86 hektar), pejabat pentadbiran PPM (5.26 hektar) dan baki selebihnya seluas (2,997.2 hektar) dipajak kepada peserta untuk tempoh antara 10 hingga 30 tahun bagi mengusahakan pelbagai aktiviti tanaman, ternakan, ikan hiasan dan agro pelancongan.

Prestasi peserta dipantau oleh jawatankuasa penilaian penanda aras bagi setiap sub sektor bagi menilai kemajuan projek yang diusahakan serta mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk penambahbaikan. Pasukan penilaian penanda aras ini diketuai oleh Ketua Penanda Aras bagi setiap sub-sektor iaitu Tanaman (Jabatan Pertanian), Ternakan (Jabatan Perkhidmatan Veterinar) dan Perikanan (Jabatan Perikanan).

Peserta yang masih menunjukkan prestasi yang **tidak memuaskan** atau **melanggar syarat perjanjian**, tindakan penamatan perjanjian akan dilaksanakan mengikut proses seperti berikut:

1. Peserta yang dikenal pasti berprestasi rendah dikemukakan surat amaran dengan tempoh percubaan tiga (3) bulan bagi memperbaiki prestasi pelaksanaan projek;
2. Jika gagal perbaiki prestasi dalam tempoh berkenaan, satu laporan akan dikemukakan kepada Kementerian bagi mendapatkan ulasan Jabatan Teknikal yang berkaitan;
3. Ulasan dan laporan akan dibentang di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal PPM dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PPM untuk tindakan selanjutnya;

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

4. Kementerian dan JKPTG akan mengeluarkan Notis Kemungkinan Perjanjian Pelaksanaan dan Perjanjian Pajak/Sewaan dengan tempoh selama 30 hari untuk meremedikan notis berkenaan berdasarkan Klausa 18(1)(b);
5. Jika peserta gagal meremedikan Notis Kemungkinan, Kementerian dan JKPTG akan mengeluarkan Notis Penamatan Perjanjian Pelaksanaan dan Perjanjian Pajak/Sewaan;
6. Surat makluman kepada peserta untuk mengosongkan tapak akan dikeluarkan dalam tempoh sebulan sebelum kemasukan peserta baru;
7. Jika peserta masih enggan keluar dari tapak, surat makluman kepada JKPTG untuk tindakan penguatkuasaan akan dikeluarkan; dan
8. Proses pengusiran/ tindakan penguatkuasaan terhadap peserta yang ingkar.

Sebelum sesuatu proses penamatan dilakukan, pandangan dan nasihat dari Penasihat Undang-Undang Kementerian juga adalah diwajibkan bagi memastikan proses penamatan adalah selaras dengan undang-undang dan peraturan semasa Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019**

**YB HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)  
SOALAN 35 (A206)**

Masih ramai lagi ustaz-ustaz memberi kuliah dengan tidak bermoral mengutuk kerajaan dan mengugat ketenteraman awam. Adakah kerajaan bercadang mengarahkan dan mewajibkan semua pengurusan masjid membuat rakaman kepada semua kuliah-kuliah dan ceramah di masjid untuk dijadikan bahan bukti salah laku ini berlaku.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Guru-guru takmir negeri Johor mempunyai tauliah kebenaran mengajar yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Mereka mempunyai etika ketika mengajar di masjid dan surau. Perkara ini dalam pemantaun pihak berkuasa agama.